

26 FEB 2002

Utar/I

LAN IKTIRAF DUA KURSUS UTAR

PETALING JAYA, 26 Feb (Bernama) -- Dua kursus awal yang ditawarkan oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) telah mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Kursus-kursus itu ialah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Cina dan Sarjana Muda dalam Pertadbiran Perniagaan, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang juga pengerusi jawatankuasa pemandu Utar.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau kerja pengubahsuaian bekas bangunan Star Publications yang akan dijadikan kampus sementara universiti itu, Ling berkata Utar sedang menunggu kelulusan LAN untuk enam lagi kursus.

Beliau berkata kerja pengubahsuaian itu yang dijangka siap bulan depan, melibatkan pembinaan 20 dewan syarahan, pejabat pentadbiran dan kemudahan lain untuk pelajar.

Ling berkata kumpulan pertama pelajar Utar akan berpeluang mendengar ceramah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertengahan Jun ini.

Beliau mengumumkan pelantikan Prof Wang Gungwu sebagai pengerusi Majlis Penasihat Akademik Antarabangsa Utar.

Prof Wang, yang dilahirkan di Surabaya, Indonesia, dan dibesarkan di Malaysia, merupakan seorang pakar dalam salasilah masyarakat Cina dan pernah menjadi Naib Canselor National University of Hong Kong.

-- BERNAMA

AKT MFJ MAI